

BOX NO. _____

COLGIS/HHM/S/2



UNIVERSITY ARCHIVES

College of Law, Government and International Studies

Hairudin Megat Latif & Haslinda Mohd. Anuar. (2004). Kesedaran pelajar-pelajar UUM terhadap peruntukan-peruntukan berkaitan kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Sosio-Ekonomi dan IT ke-2*, pp. 73-84. Sintok: Pusat Penyelidikan dan Perundingan Universiti Utara Malaysia.

ARCHIVE UNIT

Perpustakaan Sultanah Bahiyah
Universiti Utara Malaysia

© July 12, 2011

Prosiding

Seminar Kebangsaan Sosio-Ekonomi dan IT ke-2

JILID 1

000276021
Perpustakaan Sultanah Bahiyah
Universiti Utara Malaysia

Pusat Penyelidikan dan Perundingan
Universiti Utara Malaysia
2004

KESEDARAN PELAJAR-PELAJAR UUM TERHADAP PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKAITAN KEBEBASAN ASASI DI BAWAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Hj. Hairuddin Hj. Megat Latif

Haslinda Mohd. Anuar

Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang

Universiti Utara Malaysia

Abstrak: Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang utama di Malaysia. Dokumen undang-undang bertulis ini digubal oleh Suruhanjaya Reid berasaskan empat perkara iaitu raja berperlembagaan berdasarkan demokrasi berparlimen, kedua, federalisma, ketiga, hak-hak asasi dan keempat, kedudukan istimewa orang Melayu. Kajian ini menjurus kepada salah satu perkara tersebut iaitu hak asasi. Di dalam Perlembagaan Persekutuan, peruntukan berkaitan hak asasi diperuntukkan di bawah Perkara 5 hingga 13. Di Malaysia, hak-hak asasi mula diperkatakan apabila Perlembagaan Persekutuan 1957 dikuatkuasakan. Pada masa kini terdapat pendapat yang mengatakan bahawa kesedaran terhadap hak asasi manusia semakin meningkat di peringkat nasional. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesedaran pelajar-pelajar UUM berhubung kewujudan dan status Perlembagaan serta mengenalpasti pengetahuan dan pemahaman pelajar mengenai peruntukan-peruntukan berkaitan kebebasan asasi di bawah Perlembagaan. Kajian ini adalah berbentuk penerokaan dan menggunakan analisis deskriptif untuk menjelaskan objektif kajian di mana 872 responden terlibat. Dapatan kajian menunjukkan hanya 52.7% responden sahaja yang mengetahui mengenai tarikh Perlembagaan diwujudkan. Sungguhpun demikian, berkaitan status Perlembagaan, majoriti responden mengetahui mengenainya di mana lebih daripada 90% responden mengetahuinya. Secara keseluruhannya, peratusan responden yang mempunyai pengetahuan berkaitan kebebasan asasi adalah tinggi.

PENGENALAN

Demokrasi dan hak asasi adalah suatu yang seiring. Demokrasi tidak dapat bertahan tanpa kewujudan sekurang-kurangnya sebahagian daripada hak asasi yang asas (Hashim Yeop A. Sani, 1980). Undang-undang pertama berkenaan hak asasi dikeluarkan oleh Cyrus II (580-529 S.M.). Beliau mengasaskan Parsi dengan cara menyatukan dua puak asal di Iran iaitu Medes dan Persia. Semasa beliau menakluk Babylon, Cyrus berkata bahawa beliau telah mengalihkan bebanan daripada rakyat, memperbaiki kediaman dan menamatkan kesengsaraan mereka. Atas usaha Cyrus memelihara hak asasi manusia ini, negarawan agung Asia ini masih diingati sehingga 2500 tahun kemudian (INSAF, 2000).

Di England, hak asasi telah dimaktubkan dalam *The Bill of Rights 1689*. Manakala di Amerika, peruntukan berkaitan hak asasi dinyatakan dalam Perisytiharan Kemerdekaan Amerika pada tahun 1776. Sementara itu, di peringkat antarabangsa, Perisytiharan Sejagat hak Asasi Manusia telah dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 10 Disember 1948 (Azmi, 1988).

Di Malaysia, Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu berpendapat bahawa adalah menjadi kebiasaan bagi sesuatu perlembagaan itu untuk mentakrif dan menjamin beberapa hak asasi individu yang umumnya dianggap sebagai syarat yang diperlukan untuk suatu cara hidup bebas dan berdemokrasi (*Report of The Federation of Malaya Constitutional Commission*, 1957). Bahagian II Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan kebebasan asasi individu adalah merupakan satu bahagian penting asas Perlembagaan Persekutuan. Seperti kebanyakan perlembagaan bertulis negara-negara demokratik, Perlembagaan Persekutuan Malaysia melindungi dan menjamin kebebasan orang ramai (Hashim Yeop A. Sani, 1980). Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan hak asasi dinyatakan dalam Perkara 5 hingga Perkara 13. Perkara 5 hingga Perkara 13 tersebut merangkumi perlindungan dan jaminan terhadap orang dan harta (Hashim Yeop A. Sani, 1980).

Hak asasi, atau ditulis sebagai kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan, adalah merupakan satu daripada peruntukan-peruntukan penting dalam Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan-peruntukan hak asasi juga didapati dalam Perlembagaan Amerika Syarikat, Perancis, Ireland dan India. Peruntukan-peruntukan hak asasi ditulis dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia atas permintaan rakyat negara ini yang telah mengemukakan permintaan tersebut kepada Jawatankuasa Reid (Mohd. Salleh Abbas, 1988).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Di Malaysia, hak-hak asasi mula diperkatakan apabila Perlembagaan Persekutuan 1957 dikuatkuasakan. Suara-suara yang menuntut diberikan hak-hak asasi sering mengaitkannya dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA). Ada pendapat yang mengatakan ISA adalah bertentangan dengan hak-hak asasi. Sehubungan dengan itu, terdapat sebuah badan yang dikenali sebagai Gerakan Memansuhkan ISA (Berita Harian, 7 Mac 2003). Tentangan dan bantahan terhadap ISA adalah merupakan salah satu tanda yang menunjukkan kesedaran rakyat mengenai hak-hak asasi. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa kesedaran terhadap hak asasi manusia semakin meningkat di peringkat nasional (Berita Harian, 19 September 2002). Menurut bekas Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar, generasi rakyat Malaysia sekarang peka dan menyedari hak mereka sebagai warganegara. Beliau mengingatkan bahawa masyarakat sekarang tidak sama jika dibandingkan dua puluh hingga tiga puluh tahun yang lalu. Sehubungan dengan itu, pasukan polis bukan sahaja perlu menerima hakikat ini tetapi harus bijak menyesuaikan diri dengan realiti tersebut (Utusan Malaysia, 12 Jun 2003).

Bagi mewujudkan kefahaman mengenai hak asasi manusia, cara perlaksanaannya ialah melalui pengajaran dan pendidikan (Azmi, 1988). Terdapat pihak-pihak yang mendesak Kementerian Pendidikan Malaysia supaya memberi penekanan mengenai hak asasi dalam kurikulum dan kegiatan ko-kurikulum di peringkat sekolah (Berita Harian, 19 September 2002). Menurut Pengurus Pertubuhan Alumni Universiti Kebangsaan Malaysia, pelajar perlu didekah dengan isu hak asasi manusia, terutamanya dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum (Berita Harian, 19 September 2002). Antara langkah-langkah yang telah diambil sebagai menyahut gesaan dari pihak tertentu, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM) telah mengadakan satu pertandingan melukis bagi menonjolkan mesej hak asasi manusia (Berita Harian, 15 Mac 2003). Walaupun perkara mengenai hak asasi telah banyak dibincangkan namun kedudukan kesedaran orang ramai terhadap perkara tersebut belum dapat dipastikan, khususnya dalam soal kewujudan, status, pengetahuan dan kefahaman hak asasi dalam Perlembagaan. Justeru, kajian ini cuba menyingkap kedudukan

perkara-perkara tersebut agar keterangan yang jelas dapat diperoleh sebelum membuat sebarang keputusan mengenainya.

Melihat kepada senario di atas, kajian mengenai kesedaran rakyat Malaysia berkaitan hak asasi perlu dijalankan sebelum satu polisi boleh diputuskan untuk menentukan sama ada subjek hak asasi perlu diajar di sekolah atau universiti di Malaysia. Bagi tujuan ini, penyelidik berpendapat bahawa satu kajian terhadap pelajar-pelajar universiti di Malaysia harus dijalankan. Sehubungan itu, kajian ke atas pelajar-pelajar Universiti Utara Malaysia adalah satu permulaan bagi kajian ke atas seluruh pelajar universiti di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk:

- i. Mengkaji kesedaran pelajar-pelajar UUM berhubung kewujudan dan status Perlembagaan Persekutuan;
- ii. Mengenalpasti pengetahuan dan pemahaman pelajar mengenai peruntukan-peruntukan berkaitan kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun bagi tujuan kertaskerja ini, penulis hanya memberi fokus kepada kesedaran pelajar berhubung kewujudan dan status Perlembagaan Persekutuan serta pengetahuan mereka terhadap peruntukan berkaitan kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian penerokaan. Ia dibuat apabila tidak banyak yang diketahui mengenai satu situasi atau tiada maklumat diperolehi mengenai penyelesaian masalah atau isu penyelidikan pada masa lepas (Sekaran, 2000). Kajian ini juga adalah satu penyelidikan deskriptif yang bertujuan untuk meninjau kesedaran pelajar-pelajar UUM mengenai kewujudan dan status Perlembagaan Persekutuan serta pengetahuan juga pemahaman mereka mengenai peruntukan-peruntukan berkaitan kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan. Penyelidikan deskriptif bertujuan meneroka satu bidang yang belum atau kurang dikaji (Mohd. Majid Konting, 2000). Menurut Sekaran (2000), matlamat kajian deskriptif ialah untuk memberi satu gambaran atau menerangkan aspek-aspek berkaitan dengan sesuatu fenomena yang menarik minat penyelidik terhadap individu, organisasi, industri dan lain-lain perspektif.

Rekabentuk soalselidik

Soalselidik kajian ini dibentuk oleh penyelidik berdasarkan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan terutamanya yang berkaitan dengan status Perlembagaan dan kebebasan asasi. Soalselidik ini dibentuk untuk mencapai kedua-dua objektif kajian iaitu:

1. Mengkaji kesedaran pelajar-pelajar UUM berhubung kewujudan dan status Perlembagaan Persekutuan.
2. Mengenalpasti pengetahuan dan pemahaman pelajar mengenai peruntukan-peruntukan berkaitan kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Terdapat tiga bahagian dalam soalselidik ini iaitu Bahagian A berkaitan demografi responden, Bahagian B berkaitan pengetahuan responden mengenai Perlembagaan dan Bahagian C pula menyentuh pemahaman responden terhadap Perlembagaan.

Bahagian A iaitu demografi responden terdiri daripada lima item iaitu jantina, bangsa, agama, umur serta kelulusan tertinggi terakhir. Bahagian B dibentuk untuk mencapai kedua-dua matlamat kajian. Item 1 hingga 3 adalah berkaitan dengan status serta kewujudan Perlembagaan, sementara item 4 hingga 19 adalah berhubung pengetahuan responden terhadap peruntukan berkaitan kebebasan asasi dalam Perlembagaan. Item-item di Bahagian B ini menggunakan skala nominal iaitu pilihan ‘Betul’ atau ‘Salah’ untuk menguji kesedaran responden berhubung fakta-fakta berkaitan kewujudan, status serta pengetahuan berkaitan sebahagian daripada peruntukan berkaitan kebebasan asasi. Penyelidik turut memasukkan dua item iaitu item 20 dan 21 untuk menguji kebolehpercayaan instrumen. Item 20 adalah bersamaan dengan item 9 sementara item 21 adalah bersamaan dengan item 5.

Bahagian C pula dibentuk khas untuk mengenalpasti pemahaman responden terhadap Perlembagaan. Bahagian ini merangkumi sembilan item yang membentuk permasalahan dan menggunakan skala Likert (*Likert scale*). Skala Likert dalam soalselidik ini terdiri daripada tiga skala iaitu skala 1 bagi ‘Tidak bersetuju’, skala 2 bagi ‘Tidak pasti’ dan skala 3 bagi ‘Bersetuju’. Penggunaan tiga skala ini adalah dibenarkan sebagaimana yang dinyatakan oleh Birn, Hague dan Vangelder (1990). Birn et al. (1990) menyatakan bahawa skala efektif bagi penyelidikan yang mengkaji kesedaran seperti dalam bidang pemasaran adalah antara tiga hingga lima. Disamping itu, Cooper dan Schindler (2001) turut menyatakan bahawa bilangan pilihan jawapan yang biasa digunakan adalah antara tiga hingga tujuh.

Bagi mencapai matlamat kedua kajian, soalselidik ini dibahagikan kepada dua segmen yang berasingan iaitu item 4 hingga 19 dalam Bahagian B untuk menguji pengetahuan responden dan keseluruhan Bahagian C digunakan untuk menguji pemahaman responden terhadap Perlembagaan. Menggunakan skala nominal, item 4 hingga 19 adalah mewakili peruntukan-peruntukan 5 hingga 9 Perlembagaan. Pemerhatian penyelidik mendapati bahawa Perkara 5 hingga 9 Perlembagaan iaitu yang berhubung kebebasan diri, keabdi dan kerja paksa dilarang, perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuatkuasa kebelakangan dan perbicaraan berulang, sama rata, dan larangan buangan negeri dan kebebasan bergerak adalah peruntukan-peruntukan yang sentiasa mendapat perhatian umum dan diketahui ramai. Sehubungan dengan itu, item-item dari kategori ini dibentuk untuk menguji sama ada responden mempunyai pengetahuan mengenainya.

Manakala item-item dari Bahagian C pula terdiri daripada peruntukan-peruntukan 10 hingga 13 Perlembagaan iaitu kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan, kebebasan beragama, hak-hak berkenaan dengan pelajaran, dan hak terhadap harta. Skala Likert digunakan dalam Bahagian ini untuk menguji pemahaman responden dengan menggambarkan sesuatu situasi dan mendapatkan pandangan responden berhubung isu yang diberikan. Jawapan yang diberikan oleh responden itu menunjukkan pengetahuan dan pemahaman responden berhubung kebebasan asasi.

Tatacara pengumpulan data

Data yang dikumpul untuk kajian ini adalah data primer. Data tersebut dikumpul dengan mengedarkan 1000 borang soalselidik kepada pelajar-pelajar UUM sebagai responden kajian. Objektif pengedaran soalselidik ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden tentang kesedaran mereka mengenai status Perlembagaan serta pengetahuan responden mengenai peruntukan-peruntukan berkaitan kebebasan asasi di bawah

Perlembagaan. Dalam kajian ini, responden adalah mewakili para pelajar ijazah pertama di UUM sebelum kajian seterusnya dikembangkan ke seluruh Malaysia.

Tinjauan rintis

Pra-ujian dan tinjauan rintis dilakukan sebelum pengumpulan data sebenar dibuat ke atas responden. Pra-ujian dan tinjauan rintis dijalankan untuk mendapatkan kesahan dari segi isi kandungan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dalam kajian sebenar. Pra-ujian dijalankan ke atas sembilan orang pensyarah undang-undang dan tiga orang pakar dalam bidang pengurusan untuk mendapatkan pandangan pakar. Daripada komen yang diterima ada sedikit sahaja perubahan yang perlu dilakukan. Ini menggambarkan kesahan isi kandungan instrumen yang digunakan dalam kajian adalah munasabah dan memuaskan. Manakala tinjauan rintis dilakukan dengan mengedarkan soalselidik kepada empat puluh dua orang pelajar untuk menguji kesesuaian isi kandungan dalam instrumen yang digunakan. Walaupun kajian ini kajian penerokaan, tinjauan rintis dijalankan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen ini.

Pengumpulan data sebenar

Bagi mendapatkan data yang seimbang, kaedah sampel berstrata (*stratified sampling*) telah digunakan. Daripada 18720 orang pelajar program Ijazah Pertama di UUM (UUM, 2002), sebanyak lima peratus (5%) dijadikan responden kajian, menjadikan jumlah responden yang diperlukan adalah 931 orang. 1000 soalselidik diedarkan kepada sembilan buah sekolah di UUM yang menawarkan program Ijazah Pertama iaitu Sekolah Ekonomi, Sekolah Pembangunan Sosial, Sekolah Pengurusan, Sekolah Perakaunan, Sekolah Teknologi Maklumat, Sekolah Pengurusan Pelancongan, Sekolah Sains Kognitif dan Pendidikan, Sekolah Kewangan dan Perbankan, dan Sekolah Sains Kuantitatif. Pengedaran soalselidik kepada responden adalah dengan menggunakan khidmat para pembanci yang menyerahkan borang soalselidik berkenaan kepada pelajar-pelajar di dalam kelas. Responden diberi tempoh masa antara 20 ke 30 minit untuk meneliti dan menjawab soalselidik tersebut sebelum mengembalikannya kepada pembanci yang berkenaan. Dari 1000 soalselidik, hanya 938 telah dikembalikan. Dari jumlah tersebut, 872 soalselidik boleh diterima untuk dianalisa manakala bakinya telah ditolak kerana tidak lengkap dan tidak diisi oleh responden.

Analisis data

Data yang diperolehi dianalisa secara deskriptif menggunakan perisian SPSS. Analisis deskriptif yang digunakan adalah frekuensi dan penjadualan bersilang (*crosstabulation*).

HASIL KAJIAN

Demografi

Daripada keseluruhan 872 responden, 25.1% iaitu seramai 219 orang adalah lelaki manakala selebihnya, iaitu 74.9% (652 orang) adalah perempuan. Sementara itu, bangsa Melayu merupakan responden paling ramai iaitu seramai 618 orang (71.0%) manakala responden Bumiputera adalah paling sedikit iaitu seramai 24 orang (2.8%). Seiring dengan bilangan responden berbangsa Melayu yang merupakan bangsa paling ramai, majoriti responden

adalah beragama Islam iaitu sebanyak 72.2% (629 orang) manakala responden beragama Kristian adalah yang paling sedikit iaitu sebanyak 3.1% (27 orang). Majoriti responden berumur dalam lingkungan 20 hingga 24 tahun iaitu seramai 809 orang (92.9%). Sementara itu, majoriti responden mempunyai kelayakan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia iaitu sebanyak 56.1% (488 orang) dan manakala hanya 0.6% sahaja (5 orang) yang memiliki lain-lain kelayakan sebagai kelayakan minima.

Kesedaran Tentang Kewujudan dan status Perlembagaan

Item 1: Tahun Perlembagaan diluluskan

Perlembagaan Persekutuan diluluskan dan dikuatkuasakan pada tahun 1957. Daripada keseluruhan 845 responden yang menjawab soalan ini, 52.7% (445 orang) memberi jawapan yang betul iaitu tahun 1957 manakala selebihnya iaitu 47.3% (400 orang) memberi jawapan yang tidak betul yang mana 20.1% (170 orang) menjawab tahun 1956, 16.2% (137 orang) memilih tahun 1958 sebagai jawapan dan 11.0% (93 orang) memilih tahun 1955 sebagai jawapan.

Perkara 4 – Keutamaan Perlembagaan Persekutuan

Perkara 4 dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berkenaan keutamaan Perlembagaan Persekutuan. Terdapat dua soalan yang diajukan bagi Perkara 4 iaitu item 2 dan 3.

Item 2: Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang utama di Malaysia.

835 responden (96.6%) memilih jawapan yang sepatutnya iaitu jawapan betul. Manakala hanya 3.4% responden (29 orang) memilih jawapan yang salah.

Item 3: Undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan adalah terbatal dan tidak sah

Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa mana-mana undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan adalah terbatal dan tidak sah. Dapatkan menunjukkan 90.7% (786 responden) memilih jawapan yang sepatutnya iaitu jawapan betul manakala 9.3% (81 responden) memilih jawapan salah.

Pengetahuan berkaitan kebebasan asasi

Perkara 5 : Kebebasan diri

Perkara 5 dalam Perlembagaan Persekutuan adalah berkenaan kebebasan diri seseorang di Malaysia. Untuk menguji pengetahuan responden berkenaan Perkara 5, empat soalan telah diajukan dalam soalselidik iaitu item 4 hingga 7.

Item 4: Kebebasan diri seseorang yang berada di Malaysia adalah terjamin.

95.0% (828 responden) daripada keseluruhan 872 responden mengetahui bahawa kebebasan diri seseorang yang berada di Malaysia adalah terjamin.

Item 5: Seseorang berhak mengetahui alasan penangkapannya oleh pihak polis.

Dalam item 5 pula, Perkara 5 menekankan bahawa seseorang berhak mengetahui alasan penangkapannya oleh polis. Penekanan ini diakui oleh 860 responden (98.6%).

Item 6: Seseorang yang ditahan berhak mendapatkan khidmat peguam

Sementara itu, peruntukan dalam Perkara 5 yang menyatakan bahawa seseorang yang ditahan berhak mendapat khidmat peguam. Peruntukan ini turut diakui oleh majoriti responden iaitu sebanyak 99.3% (866 responden).

Perkara 6: Keabdi dan kerja paksa dilarang

Perkara 6 dalam Perlembagaan Persekutuan melarang perbuatan mengabdikan dan memaksa seseorang melakukan sebarang kerja paksa. Untuk menguji pengetahuan responden berkenaan peruntukan ini, tiga soalan telah diajukan dalam soalselidik yang diedarkan, iaitu item 8, 9 dan 20.

Item 8: Seseorang individu tidak boleh ditahan sebagai hamba atau dikehendaki melakukan kerja paksa.

Sebilangan besar responden (95.5%) memperakui bahawa seseorang individu tidak boleh ditahan sebagai hamba atau dikehendaki melakukan kerja paksa. Ini mewakili 833 responden daripada keseluruhan responden yang menjawab soalselidik.

Item 9: Kerajaan boleh mewajibkan perkhidmatan kerahan tenaga

Item ini merujuk kepada Perkara 6(2) Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan kerajaan mewajibkan kerahan tenaga bagi maksud-maksud negara. Dapatan menunjukkan 63.3% responden memilih jawapan yang tepat manakala 36.7% lagi memilih jawapan yang salah. Ini menunjukkan bahawa 63.3% mengetahui mengenai Perkara 6(2).

Perkara 7: Perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuatkuasa kebelakangan dan pembicaraan berulang

Item 10 dan 11 dalam soalselidik adalah bertujuan untuk mengenalpasti pengetahuan responden terhadap Perkara 7 Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini memberi perlindungan kepada individu daripada perbicaraan berulang dan perbuatan yang bukan merupakan kesalahan jenayah sewaktu ianya dilakukan.

Item 10: Seseorang tidak boleh didakwa lebih daripada sekali atas kesalahan yang sama

33.4% responden memilih jawapan yang betul dalam item ini manakala 66.6% memilih jawapan yang salah. Daripada dapatan ini, didapati bahawa hanya 33.4% sahaja daripada keseluruhan 871 orang responden yang mengetahui mengenai Perkara 7 dalam Perlembagaan Persekutuan.

Item 11: Seseorang tidak boleh dihukum atas perbuatan yang bukan merupakan jenayah semasa ia dilakukan

Item ini merujuk kepada Fasal 1 Perkara 7 Perlembagaan Persekutuan. Majoriti responden (64.1%) memilih jawapan yang betul manakala 35.9% memilih jawapan yang salah dan 13 responden tidak memberikan sebarang maklumbalas.

Perkara 8: Samarata di sisi undang-undang

Perkara 8 menekankan mengenai kesamarataan di sisi undang-undang dikalangan warganegara di Malaysia tanpa mengira agama, bangsa atau keturunan. Soalan untuk menguji pengetahuan responden terhadap Perkara 8 diwakili oleh item 12 hingga 16.

Item 12: Semua warganegara adalah sama di sisi undang-undang

Item 12 menguji pengetahuan responden terhadap Fasal 1 Perkara 8. Dapat menunjukkan bahawa daripada keseluruhan 871 responden yang menjawab soalan ini, 95.6% responden memilih jawapan yang betul.

Item 13: Seseorang tidak boleh didiskriminasi atas sebab agama, bangsa, keturunan atau tempat lahir

Item 13 pula merujuk kepada Fasal 2 Perkara 8 yang tidak membenarkan diskriminasi terhadap warganegara atas sebab agama, bangsa, keturunan atau tempat lahir. Daripada keseluruhan 871 responden yang memberi maklumbalas, 97.1% (846 orang) memilih jawapan yang betul. Hanya sebilangan kecil responden yang memilih jawapan yang salah iaitu seramai 25 responden (2.9%).

Item 14: Setiap warganegara berhak mendapat faedah yang sama dengan warganegara lain

Item 14 bertujuan menguji pengetahuan responden terhadap Fasal 3 Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Seramai 694 responden (79.6%) memilih jawapan sebenar yang memperakui pernyataan bahawa setiap warganegara berhak mendapat faedah yang sama dengan warganegara lain.

Item 15: Pengisian jawatan berkaitan agama tertentu oleh penganut agama tersebut bukan satu diskriminasi.

Item 15 merujuk kepada pengecualian bagi Perkara 8 yang dinyatakan dalam Fasal 5(b) Perkara 8. Pengecualian ini, yang dinyatakan dalam item 15, diketahui oleh 91.8% responden (798 orang) di mana mereka memilih jawapan yang betul.

Item 16: Hanya orang Melayu boleh berkhidmat di dalam pasukan Askar Melayu

Meskipun secara umumnya tidak boleh ada diskriminasi dalam mengisi jawatan dalam perkhidmatan awam, terdapat satu kekecualian di mana hanya orang Melayu yang boleh berkhidmat dalam pasukan Askar Melayu. Kekecualian ini dinyatakan dalam Fasal 5(f). Bagaimanapun, sebahagian besar responden memilih jawapan yang salah iaitu seramai 538 responden (61.7%) sementara hanya 38.2% responden memilih jawapan yang betul.

Perkara 9: Larangan buangan negeri dan kebebasan bergerak

Perkara 9 melarang seseorang warganegara dibuang negeri dan menjamin kebebasan seseorang warganegara bergerak di Malaysia. Terdapat juga kecualian bagi Perkara 9 yang membenarkan seseorang warganegara dibuang negeri atau dihalang daripada bergerak bebas.

Item 17: Seseorang warganegara tidak boleh dibuang negeri dari Malaysia

606 responden (69.7%) memilih jawapan salah. Mereka menyangka bahawa seseorang warganegara boleh dibuang negeri dari Malaysia. 30.3% responden memilih jawapan yang betul iaitu seseorang warganegara tidak boleh dibuang negeri dari Malaysia

Item 18: Seseorang warganegara boleh dihalang dari memasuki Malaysia

41.0% daripada keseluruhan 871 responden yang menjawab soalan ini memilih jawapan yang sebenarnya iaitu seseorang warganegara tidak boleh dihalang daripada memasuki Malaysia. Sementara itu, baki 514 responden (59.0%) tidak mengetahui mengenai hak ini.

Item 19: Warganegara boleh dibuang negeri atau dihalang daripada memasuki Malaysia atas sebab keselamatan dan lain-lain.

Meskipun Perkara 9 tidak memberikan seseorang warganegara dibuang negeri atau dihalang daripada memasuki Malaysia, terdapat kekecualian di mana seseorang warganegara boleh dibuang negeri atau dihalang daripada memasuki Malaysia atas sebab keselamatan, kesihatan atau ketenteraman awam. Majoriti responden (97.0%) memilih jawapan yang sebenar. Hanya sebilangan kecil iaitu 26 responden (3.0%) yang memilih jawapan yang salah.

Item 20: Cadangan perkhidmatan kerahan tenaga oleh kerajaan adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Item 20 merupakan soalan yang bertentangan dengan item 9. Item ini merujuk kepada Perkara 6(2) Perlembagaan yang membolehkan kerajaan melaksanakan kerahan tenaga bagi kepentingan negara. Tujuan item ini dibentuk adalah untuk mengukur kebolehpercayaan jawapan responden. Didapati bahawa keputusan yang diperolehi adalah hampir sama dengan item 9, di mana bagi item 9 majoriti responden (63.3%) memilih jawapan yang sebenar manakala bagi item 20, 64.9% memberi jawapan yang sebenar.

Perbincangan

Kesedaran mengenai kewujudan dan status Perlembagaan Persekutuan

Daripada analisa dapatan, hanya 52.7% responden sahaja yang mengetahui mengenai tarikh Perlembagaan Persekutuan diwujudkan. Sungguhpun demikian, mengenai status Perlembagaan, majoriti responden mengetahui mengenainya di mana lebih daripada 90% responden memberi jawapan yang dikehendaki.

Kenalpasti pengetahuan pelajar berkaitan kebebasan asasi

Berkaitan dengan pengetahuan pelajar tentang kebebasan asasi, majoriti responden mengetahui peruntukan-peruntukan Perkara 5, 6, 8 dan 9. Sehubungan dengan Perkara 5, majoriti responden mengetahui mengenai Perkara 5(1). Manakala mengenai Perkara 5(3), majoriti responden mengetahui mengenai hak diberitahu alasan penangkapan dan hak untuk mendapatkan khidmat peguam di mana 95% hingga 99.3% responder mengetahui mengenainya. Sementara itu, hanya 66.3% responden mengetahui mengenai hak seseorang tidak boleh ditahan melebihi tempoh 24 jam tanpa kebenaran Majistret.

Mengenai Perkara 6, majoriti responden mempunyai pengetahuan mengenai hak seseorang untuk tidak ditahan sebagai hamba atau melakukan kerja paksa. Dapatan menunjukkan 95.5% responden mengetahui mengenainya. Bagaimanapun, peruntukan yang memberarkan pihak kerajaan mewajibkan kerahan tenaga bagi maksud-maksud negara, hanya 63.3% responden sahaja mengetahui mengenainya. Dapatan mengenai item-item peruntukan Perkara 8, tiga daripada lima item yang dibentuk menunjukkan peratusan yang mengetahui adalah tinggi iaitu melebihi 90%. Tiga item tersebut adalah berkenaan semua orang adalah samarata di sisi undang-undang, kedua, hak warganegara untuk tidak dibezakan semata-mata oleh sebab

agama, kaum, keturunan atau tempat lahir dalam mana-mana undang-undang, perlantikan bagi apa-apa jawatan, pegangan harta atau menjalankan perniagaan; dan ketiga, mengenai pengisian jawatan berkaitan agama oleh penganut agama berkenaan sahaja.

Seterusnya mengenai peruntukan Perkara 9, daripada tiga item yang dikemukakan hanya item berkaitan Perkara 9(2) sahaja yang diketahui oleh majoriti responden. Dapatkan menunjukkan 97% responden mengetahui seseorang warganegara boleh dibuang negeri atau dihalang memasuki Malaysia atas sebab keselamatan, ketenteraman awam, kesihatan awam atau hukuman kepada pesalah. Sebaliknya dapatkan menunjukkan peratusan responden yang mengetahui mengenai Perkara 7(1), Perkara 8(5)(f) dan Perkara 9(1) adalah rendah. Peratusan responden yang mengetahui mengenai Perkara-perkara tersebut adalah antara 30% hingga 41% sahaja.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Perbincangan di atas menggambarkan bahawa kesedaran pelajar-pelajar UUM berkaitan kewujudan dan status Perlembagaan Persekutuan serta pengetahuan mengenai peruntukan kebebasan asasi adalah tinggi. Ini dibuktikan daripada daptan yang menunjukkan dari 3 item yang dibangunkan untuk menguji kesedaran, kesemuanya menunjukkan peratusan melebihi 52% sehingga ada item yang mencecah 96.6%. Melihat dari aspek pengetahuan, daripada 18 item yang diuji, hanya 4 item sahaja menunjukkan peratusan pengetahuan yang rendah di antara 30.3% hingga 41%.

Secara keseluruhannya, responden mempunyai pengetahuan yang tinggi berkaitan kebebasan asasi. Ini dapat dilihat daripada 19 item yang dikemukakan, 78.94% keseluruhan responden memberi jawapan yang dikehendaki. Sehubungan dengan itu, penulis berpendapat bahawa tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar-pelajar UUM berkaitan kewujudan, status serta kebebasan asasi di bawah Perlembagaan Persekutuan secara keseluruhannya adalah tinggi. Hasil kajian ini juga adalah selaras dengan pendapat yang mengatakan bahawa kesedaran berkenaan hak asasi semakin meningkat di peringkat nasional.

BIBLIOGRAFI

- Aaker, David A. & Day, George S. (1990). *Marketing research* (4th ed.). Singapore: John Wiley & Sons.
- Abdul Aziz Bari (1999) Right to life under the Federal Constitution and environmental issues. *The Malayan Law Journal*, 1, lx.
- Abdul Aziz Bari (2000). Islam in the Federal Constitution: A commentary on the decision of Meor Atiqulrahman. *The Malayan Law Journal*, 2, cxxix.
- Abdul Aziz Bari (2001). *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Bari (2003). *Malaysian Constitution*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Ahmad Mahdzan Ayob (2002). *Kaedah penyelidikan sosioekonomi* (ed. ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Allan, Trevor (1991). Freedom of speech and judicial review. *New Law Journal*, 141 (6504), 683 – 685.

Azmi Abdul Khalid (1988). Ke arah penegakan undang-undang hak asasi sejagat di malaysia: menyebarkan kesedaran melalui pendidikan. Dalam *Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, Makalah undang-undang menghormati Ahmad Ibrahim* (halaman 42 – 53), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baker, M. J. (1991). *Research for marketing*. London: Macmillan Education Ltd.

Barker, Raymond (1983). *Marketing research*. Virginia: Preston Publishing Company, Inc.

Birn, R., Hague, P. & Vangelder, P. (1990). *A handbook of market research techniques*. London: Kogen Page Limited.

Chahil, Sharon K. (2002) A critical evaluation of the constitutional protection of fundamental liberties: the basic structure doctrine and constitutional amendment in malaysia. *The Malayan Law Journal*, 3, xii.

Choo Chin Thye (2002). The role of article 8 of the Federal Constitution in the judicial review of public law in Malaysia. *The Malayan Law Journal*, 3, civ.

Churchill, G. A.(1987). *Marketing research: Methodological foundations*. Chicago: Dryden Press.

Cooper, Donald R. & Schindler, Pamela S. (2001). *Business research methods* (7th ed.). New York: The McGraw – Hill Companies.

Hair, Joseph E., Anderson, Rolph E., Tatham, Ronald L. & Black, William C. (1988). *Multivariate data analysis* (5th ed.). New Jersey: Prentice – Hall International Inc.

Hairuddin Megat Latif (1992). Status dan kedudukan undang-undang Islam di Malaysia. *Malaysian Current Law Journal*, April, 2, iii – xi. .

Hashim Yeop A. Sani (1980). *Our Constitution*. Kuala Lumpur: The Law Publishers (M) Sdn. Bhd.

Jain, M. P. & Xavier, Grace (1996). Compulsory acquisition of land in Malaysia (part 1). *The Malayan Law Journal*, 2, xxix.

Khairul Anwar Rahmat (2002, 19 September). Definisi hak asasi barat, asia berbeza. *Berita Harian*. 10.

Magendran Rajagopal (2003, 7 Mac). Cadangan SUHAKAM baiki keadaan tahanan ISA. *Berita Harian*, 3.

Mohd Salleh Abbas (1988). *Kewarganegaraan dan hak asasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Aris Hj. Osman (1983). *Perkembangan Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Azizuddin Mohd. Sani (2002). *Hak asasi dan hak bersuara: Menurut pandangan Islam dan barat*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Majid Konting. (2000). Kaedah penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood (1994). *Kedudukan undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peraduan lukisan untuk pelajar. (2003, 15 Mac). *Berita Harian*, B7.
- Ranjan P. S. (1999). Slavery: A continuing evil. *The Malayan Law Journal*, 4, cxli.
- Sekaran, Uma (2000). *Research methods for business* (3rd. ed.). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Sharilfuddin Saari (2003, 12 Jun). Hak asasi: Cabaran baru polis. *Utusan Malaysia*, 6.
- SUHAKAM bantu terap konsep hak asasi manusia di sekolah. (2002, 19 September). *Berita Harian*, 11.
- Whita, Thomas I. (1992). *Right and wrong*. Singapore: Prentice Hall.
- Xavier, Grace (1995). The Land Acquisition (Amendment) Act 1991. *The Malayan Law Journal*, 1, lxxxi.
- YM Raja Aziz Addruse (2000). Fundamental rights and the rule of law: Their protection by judges. *INSAF: The Journal of The Malaysian Bar*, 24 – 49.
- Zainur Zakaria (1993). Religious freedom – Right to wear the purdah. *The Malayan Law Journal*, 3, xxv.